



PETIKAN AKHBAR

Kerajaan luluskan permohonan PSU RM12.76 bln setakat 5 Feb – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 18 FEBRUARI 2021



KUALA LUMPUR, 18 Feb – Kerajaan telah meluluskan permohonan untuk Program Subsidisi Upah (PSU) bernilai RM12.76 bilion setakat 5 Feb, 2021, kata Menteri Kewangan Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz.

Beliau berkata sehingga 30 Sept, 2020 iaitu tarikh tutup PSU 1.0, seramai 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja telah menerima manfaat di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

“Untuk PSU 2.0 di bawah KITA PRIHATIN, sejumlah RM770.31 juta telah disalurkan kepada 65,398 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 534,183 pekerja,” katanya.

Dalam pada itu, Tengku Zafrul turut maklum bahawa kerajaan sedar bantuan tunai sahaja tidak memadai.

“Sehubungan itu, di bawah Strategi Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan, beberapa langkah telah diambil melalui kerjasama rapat di antara kerajaan dan industri,” katanya ketika membentangkan laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) ke-41 hari ini.

Ini termasuk pewujudan portal MyFutureJobs www.myfuturejobs.gov.my, yang menawarkan lebih 200,000 peluang pekerjaan untuk pencari kerja dengan proses pepadanan calon dan industri turut disediakan.

Pengelolaan Karnival PenjanaKerjaya Kebangsaan Kementerian Sumber Manusia 2021 turut dijadualkan berlangsung dari 23 hingga 26 Feb, 2021.

Karnival ini merupakan acara dalam talian yang mengumpul majikan dari seluruh negara untuk sesi temu duga bagi pengambilan pekerjaan baharu.

Peserta yang berminat boleh mendaftar melalui pautan careerfair.perkeso.gov.my.

Kerajaan turut memberi fokus untuk mewujudkan lebih 160,000 pekerjaan baharu tahun ini melalui komitmen pelaburan yang akan dipantau oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan agensinya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), kata Tengku Zafrul.

Sementara itu, menteri itu menambah setakat 5 Feb, seramai 130,871 pekerja telah berjaya mendapat pekerjaan melalui Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.

Selain itu, 133,301 peserta telah diluluskan untuk mengambil bahagian dalam Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BAJET 2022](#)

[COVID-19](#)

[LAPORAN LAKSANA](#)

[TMK I](#)

[KELUARGA MALAYSIA](#)

[PENJANA](#)

[PRIHATIN](#)

[TEAM MOF](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[HARGA MINYAK](#)